

05 MAY 2001

Mahathir-Beret

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH BERET HIJAU KEHORMAT

MELAKA, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan "Beret Hijau Kehormat" di atas ketokohan, kewibawaan dan kecemerlangannya sebagai seorang negarawan.

Penganugerahan beret hijau itu dilakukan oleh Panglima Angkatan Tentera Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin dan Panglima Gerak Khas Brig Jen Ahmad Rodi Zakaria selepas Perdana Menteri melakukan pemeriksaan barisan pada Perhimpunan Perdana Warga Gerak Khas 2001 di Kem Sungai Udang, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Razak, Timbalannya Datuk Shafie Apdal dan kira-kira 5,000 anggota komando dan bekas komando.

Penganugerahan itu juga sebagai lambang semangat waja dan kecekalan diri seperti komando tulin yang dimiliki Dr Mahathir dalam mempertahankan negara terutamanya ketika kegawatan ekonomi.

Beret hijau adalah lambang keagungan, keperwiraan serta keberanian yang tinggi selain mempunyai pengorbanan serta taraf profesionalisme tinggi kepada mereka yang memakainya.

Mereka yang dianugerahkan beret hijau itu membolehkannya diterima sebagai seorang daripada anggota Rejimen Gerak Khas, yang merupakan pasukan elit dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Rejimen berkenaan juga diiktiraf keunggulannya oleh dunia dan setiap wira yang memakainya perlu mempertahankan martabatnya sehingga akhir hayat.

Pada perhimpunan itu, Dr Mahathir turut menganugerahkan Sijil Penghargaan Kerajaan Malaysia kepada 17 anggota Gerak Khas yang berjasa termasuk enam bekas Pengerusi Rejimen Gerak Khas.

Enam bekas pengerusi rejimen itu ialah Jen (B) Tan Sri Borhan Ahmad, Mej Jen (B) Datuk Harun Taib, Allahyarham Brig Jen Datuk Hasbullah Mohd Yusof, Mej Jen (B) Datuk Mohd Ramli Ismail, Mej Jen (B) Datuk Paduka Ghazali Ibrahim dan Brig Jen (B) Datuk Pahlawan Daud Ariffin.

-- BERNAMA

SBS NAK